

ديوان ايكونومي

DEWAN EKONOMI

Wadah Ekonomi Mutakhir

LAPORAN KHAS

Malaysia ke Arah Komuniti
Tanpa Tunai

Bank Digital: Pemacu Sektor
Kewangan Inklusif dan Progresif

Pelancongan Virtual:
Alternatif Tarikan
Sektor Pelancongan

Hafizi Radzi Woo dan
Izree Kai Haffiz

Antara 10 Pereka Paling Berpengaruh
dan Berbakat Besar di Malaysia

FW
FIZIWO

FIZIWO

SENTUHAN SENI ADIBUSANA
BERTARAF DUNIA

KK 330-91228-0921
ISSN 0128-8520



9 770128 852133



KANDUNGAN

JILID 28 • BIL. 09/2021/1443H • KK 330 91228 0821 • ISSN 0128-8520

- | | | | |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 3 | Komentor Pembaca
Transformasi <i>Dewan Ekonomi</i> Memudahkan Pembaca
Farah Rahim | 48-49 | Ekonomi dalam Negeri
Bank Digital: Pemacu Sektor Kewangan Inklusif dan Progresif
Nurul Afidah Mohamad Yusof |
| 4 | Catatan kepada Pembaca
Pertembungan Antara Krisis Kesihatan dengan Ekonomi
Abd. Kadir Mohd. Ayub | 50-51 | Ruang Minda
Pekerjaan dan COVID-19
Madeline Berma |
| 5 | Baca dan Fikir | 52-53 | Inovasi
Potensi Pelaburan menerusi Dana
Dagangan Saham
Amirul Afif Muhamat dan Mohamad Fadhlullah Omar |
| 6-7 | Infografik | 54-55 | Inovasi
Pelancongan Virtual: Alternatif
Tarikan Sektor Pelancongan
Norfatimah Zaili |
| 18-19 | MNI Menulis ...
COVID-19 dan Krisis Hutang
Mohd. Nazari Ismail | 56-57 | Ruang dan Waktu
Menyantuni Masyarakat melalui Bantuan secara Mikro dan Menyeluruh
Noorsidi Aizuddin Mat Noor |
| 20-22 | Pengurusan dan Strategi
Menjana Kewangan Mampan melalui
Pengurusan Stadium
Muthanna Saari | 58-59 | Pemikiran Orang Muda
Pengurusan Kewangan Strategik
Buat Golongan Muda
Nur Afiqah Md. Ali Vejaya |
| 23-25 | Pengurusan dan Strategi
Pengurusan Pendapatan: Definisi dan Perkembangannya
Mohd. Noor Azli Ali Khan | 60-61 | Usahawan
Cabaran Usahawan dalam Situasi Sukar
Zairul Fakhri Zainal Abidin |
| 26-28 | Minda Insan
Berniaga Buluh Kasap, Hujung Hilang Pangkal Lesap
Zafir Khan Mohamed Makhbul | 62-63 | Dari Anjung Dewan
Dayang Fina |
| 29-31 | Ekonomi Antarabangsa
Korea Utara Berdepan Kebuluran?
Zulfiqar Mohd. Yusof | 64 | Istilah Semasa |
| 44-45 | Ekonomi Islam
Kelestarian Sistem Pajak Gadai Islam
Mohamed Hadi Abd. Hamid | | |
| 46-47 | Ekonomi Politik
Merealisasikan Matlamat Kelestarian Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar
Naziatul Aziah Mohd. Radzi | | |

- | | |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 8-13 | Rencana Utama
Dominasi dan Inspirasi Ekonomi Gig di Malaysia
Noor Azam Abdul Rahman |
| 14-17 | Rencana Utama
Masa Depan Ekonomi Gig
Mohammad Mazwan Shah Mahari |
| 32-37 | Korporat
FIZIWO: Sentuhan Seni Adibusana Bertaraf Dunia
Fatin Syazana Zulkafali |
| 38-39 | Tokoh Korporat
Gandingan Duo Mendominasi Seni Fesyen dalam Menyulami Impian
Fatin Syazana Zulkafali |
| 40-43 | Laporan Khas
Malaysia ke Arah Komuniti Tanpa Tunai
Nasaruddin Arshad |

MEREALISASIKAN MATLAMAT KELESTARIAN EKONOMI, SOSIAL DAN ALAM SEKITAR

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang diguna pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015 sebagai tuntutan universal untuk bertindak ke arah mengakhiri kemiskinan, melindungi planet dan memastikan menjelang tahun 2030 semua individu berhak untuk menikmati keamanan dan kesejahteraan. Kesemua 17 matlamat SDG bersepadu dan tindakan dalam satu bidang akan mempengaruhi hasil bagi bidang yang lain, serta memberikan indikator bahawa pembangunan harus mengambil kira penyatuan kelestarian dalam aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Namun begitu, kewujudan pandemik COVID-19 dilihat sebagai satu ancaman yang boleh merencatkan usaha bersepadu bagi merealisasikan matlamat SDG terutama dalam aspek ekonomi dan sosial. Pandemik COVID-19 bukan sekadar berkaitan dengan aspek kesihatan, malah turut memberi kesan rantaian kepada aspek sosial, ekonomi dan politik. Bagaimanakah dan mengapakah hal ini berlaku?

Pada peringkat awal COVID-19 yang dikesan di Wuhan, China pelbagai pihak telah memberikan reaksi yang berbeza. Ada negara yang terus mengambil tindakan dan ada yang memandang rendah terhadap wabak ini yang mampu menggugat kestabilan dan keharmonian hidup sejagat. Walau bagaimanapun, setelah kes ini menular ke negara Barat dan Eropah serta ribuan kes kematian dicatatkan saban hari, maka Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik dan langkah drastik dilaksanakan bagi mengekang penularannya. Antara langkah yang dilaksanakan ialah penutupan sempadan negara agar tidak menerima lawatan daripada pelancong luar negara, penutupan terus aktiviti sosial dan ekonomi serta meningkatkan kualiti dan penyampaian sistem perkhidmatan kesihatan.

Selain itu, kajian bagi mencari penawar ataupun vaksin yang boleh membentengi

diri individu giat dijalankan oleh institusi penyelidikan tersohor di dunia. Hasil kerja keras dan komitmen yang ditunjukkan oleh pelbagai pihak, dunia telah berjaya menemui vaksin yang dapat membantu untuk mengurangkan kesan serangan virus COVID-19 terhadap manusia. Vaksin ini dipercayai dapat membantu pembinaan benteng pertahanan dan imuniti manusia ke atas serangan virus. Kita menjangkakan bahawa berita gembira ini dapat memberikan sinar harapan dalam kalangan penduduk dunia yang hampir berputus asa. Namun begitu, semasa bekalan vaksin hampir tiba untuk diberikan kepada masyarakat yang menantikannya, virus ini semakin mengganas dan mencetuskan gelombang keempat yang memberikan kesan lebih teruk sehingga mengakibatkan ribuan kematian serta melumpuhkan sistem kesihatan negara seperti yang berlaku di negara India dan Indonesia.

Hal yang sama juga tidak terkecuali di Malaysia. Kita sedang menghadapi saat getir apabila ribuan kes positif baharu dilaporkan pada setiap hari dan kes kematian juga mencecah ratusan kes. Sistem kesihatan Malaysia hampir menuju ke tahap maksimum, namun serangan COVID-19 tidak menunjukkan tahap penurunan yang drastik. Pelaksanaan PKP merupakan satu daripada langkah yang dianggap berkesan bagi mengekang penularan COVID-19. Namun begitu, pelaksanaan PKP turut memberikan pelbagai implikasi sampingan yang boleh menjejaskan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat.

Satu daripada matlamat ataupun harapan yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) meliputi ekonomi yang mapan pada peringkat nasional mahupun individu. Namun begitu, melalui pelaksanaan PKP secara menyeluruh ataupun secara berfokus kepada kawasan tertentu telah menjejaskan keupayaan ekonomi masyarakat. Banyak sektor yang terjejas akibat daripada pelaksanaan PKP antaranya sektor pelancongan dan sektor rantaian

perkhidmatan. Kebanyakan operator pelancongan dan industri perhotelan terpaksa menghentikan operasi perniagaan akibat tidak mampu lagi menanggung kos ekoran penutupan operasi sepanjang tempoh PKP. Sektor pelancongan turut memiliki kesan rantaian kepada sektor perkhidmatan lain seperti pengangkutan dan juga perniagaan masyarakat tempatan. Selain sektor pelancongan, sektor lain yang terjejas ialah sektor pembinaan. Penutupan sektor ini menjejaskan ramai individu kerana mereka terpaksa diberhentikan kerja dan individu yang terlibat telah kehilangan sumber pendapatan.

Bukan setakat individu daripada sektor primer sahaja, bahkan mereka yang terlibat dengan Industri Mikro, Kecil, dan Sederhana (IKS) juga turut berdepan dengan cabaran disebabkan oleh ketidaktentuan waktu operasi yang tentunya memberikan kesan terhadap permintaan daripada pelanggan. Krisis COVID-19 memberikan natijah dan cabaran hebat terhadap situasi kewangan rakyat Malaysia apabila lebih 600 000 isi rumah berpendapatan pertengahan M40 tergelincir ke dalam kategori golongan berpendapatan rendah B40. Menurut Pengarah Eksekutif Badan Tindakan Ekonomi (EAC), Profesor Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali menjelaskan anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita Malaysia menurun kepada RM42 107 pada tahun 2020 berbanding dengan RM45 973 pada tahun 2019 sebelum berlakunya penularan pandemik COVID-19. Pandemik ini telah menyebabkan KDNK per kapita menyusut kira-kira 8.4 peratus. Penurunan kadar KDNK telah menyebabkan kegusaran kepada kita kerana telah menjejaskan matlamat kesejahteraan ekonomi masyarakat sedangkan segala dasar pascakemerdekaan berorientasikan kestabilan ekonomi dan pemerkasaan ekonomi masyarakat.

Kejatuhan pendapatan individu akan mengurangkan kuasa beli isi rumah dan mengakibatkan kurangnya pusingan aliran



wang dalam ekonomi. Situasi ini akan menjejaskan keadaan ekonomi negara. Sungguhpun kerajaan membelanjakan RM 2.1 bilion bagi geran perniagaan kecil, moratorium pinjaman, subsidi upah melalui PEMERKASA dan pakej stimulus PERMAI pada Januari 2021, namun timbul persoalan iaitu sejauh manakah bantuan ini boleh membantu masyarakat kerana kerajaan sendiri perlu menghadkan perbelanjaan berdasarkan peningkatan beban hutang dan juga liabiliti lain.

Aspek ekonomi merupakan tunjang kepada kesejahteraan dan kestabilan bagi aspek sosial terutamanya berkaitan dengan masyarakat. Situasi ekonomi memainkan peranan penting untuk individu memperoleh kehidupan yang berkualiti ataupun sebaliknya. Matlamat SDG teras ketiga menyatakan setiap individu memiliki hak untuk menikmati kehidupan yang lestari dan sejahtera dan tiada penafian terhadap hak tersebut. Teras 16 juga menggalakkan masyarakat yang inklusif dan adil ke arah pembangunan lestari. Namun begitu, COVID-19 menggugat ketenteraman dan kestabilan kualiti hidup individu sehingga sebanyak 468 kes bunuh diri dilaporkan pada lima bulan pertama tahun 2021 dan jumlah ini meningkat berbanding dengan tahun 2020 sebanyak 631 dan 609 pada 2019. Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Anne Yee *et al.* berjudul *Depression Level and Coping Responses Toward The Movement Control Order and Its Impact on Quality of Life in The Malaysian Community during The COVID-19 Pandemic: A Web-based Cross-Sectional Study* mendapati pelaksanaan PKP memberikan kesan yang tidak baik kepada kesihatan mental masyarakat. Dianggarkan satu daripada tiga individu mengalami gejala kemurungan pada tahap ringan ataupun teruk. Bilangan kes ini meningkat secara signifikan dalam tempoh PKP. Isi rumah tiada sumber pendapatan namun masih terikat dengan komitmen bulanan yang akan memberi tekanan kepada mereka untuk menyelesaikannya. Keberadaan

di rumah terlalu lama bukan sahaja menjejaskan emosi dan mental kumpulan dewasa malahan kanak-kanak juga turut terkesan daripada situasi ini. Kanak-kanak secara lahiriah sifatnya bebas bermain dan bergembira serta memerlukan persekitaran yang sihat untuk membesar. Namun begitu, pandemik ini menyebabkan mereka terlalu lama berada di rumah dan tidak didedahkan dengan pengalaman dunia sebenar. Situasi ini seakan-akan menafikan hak mereka untuk bergerak dengan bebas dan aktif bagi menikmati kehidupan yang sepatutnya mereka kecapi.

Dalam situasi genting ini, ibu bapa perlu mengambil berat tahap pembelajaran anak-anak melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Bagi segelintir ibu bapa perkara ini mudah untuk dilaksanakan kerana mereka memiliki akses yang mesra PdPR selain memiliki ruang, masa dan keupayaan untuk bersama-sama dengan anak-anak dalam melayari bahtera PdPR. Namun begitu, bagaimanakah pula nasibnya dengan golongan ibu bapa yang tidak berkemampuan dari segi kewangan dan keupayaan untuk mengajar anak-anak? Situasi ini tentunya menambahkan bebanan kepada mereka. Pendidikan merupakan alat kepada kemajuan dan pembangunan bagi sesebuah negara. Kes COVID-19 yang tidak berkesudahan memberikan isyarat yang kurang baik kepada sistem pendidikan negara. Hal ini dibimbangkan akan meningkatkan kadar buta huruf dalam kalangan kanak-kanak terutamanya kanak-kanak yang berada di kawasan luar bandar. Selain itu, keadaan ini akan mengurangkan minat dan motivasi untuk belajar memandangkan situasi pembelajaran secara PdPR tidak sama dengan pembelajaran secara fizikal di sekolah.

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) turut memfokuskan aspek alam sekitar. Hal ini dikatakan demikian kerana alam sekitar yang kita diami perlu dipelihara bagi menjamin kehidupan yang lestari, selamat dan sejahtera untuk generasi masa hadapan. Kerosakan alam semula jadi yang berpunca daripada hakisan dan pencemaran alam sekitar mengakibatkan bencana alam dan peningkatan suhu global yang boleh menjejaskan ekosistem.

Sungguhpun terdapat spekulasi mengenai impak positif COVID-19 ke atas alam sekitar ekoran daripada PKP yang menghadkan pergerakan individu dan operasi syarikat, namun dari satu sudut yang lain krisis COVID-19 memberikan implikasi terhadap sisa buangan klinikal yang dihasilkan oleh hospital dan pusat rawatan COVID-19. Sisa ini termasuklah pakaian kelengkapan perlindungan diri (PPE) pakai buang yang hanya boleh dipakai sekali sahaja dan sisa perubatan seperti bahan sekali guna iaitu sarung tangan, pelitup muka dan kasut getah memberikan implikasi yang membahaya iaitu jika tidak diuruskan dengan baik, bilangannya akan bertambah banyak dan berkumpul serta membahayakan alam sekitar.

Selain sisa buangan klinikal, bahan kimia yang digunakan untuk proses sanitasi dan disinfeksi mengandungi bahan toksik yang memberi risiko kepada alam sekitar. Selain daripada sisa klinikal, dapatan daripada kajian Filho *et al.* (2021) dalam artikel berjudul *COVID-19 and Waste Production in Households: A Trend Analysis* mendapati terdapat peningkatan penggunaan di kalangan isi rumah terhadap makanan yang telah dibungkus, makanan segar dan penghantaran makanan. Faktor utama yang membawa kepada peningkatan sisa buangan makanan ketika tempoh PKP adalah disebabkan isi rumah menghabiskan masa di rumah dan meningkatkan jumlah pesanan makanan dalam talian. Situasi ini memberikan tekanan kepada sistem pengurusan sisa pepejal domestik.

Secara tuntasnya, pandemik COVID-19 telah menjejaskan kestabilan dan kesejahteraan hidup masyarakat yang tidak pernah dibayangkan sebelum ini. Segala implikasi yang berlaku banyak merencatkan usaha bagi mencapai matlamat SDG pada peringkat global dan juga Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 pada peringkat nasional. Pendapatan isi rumah jatuh dan telah menjejaskan kuasa beli pengguna memberikan impak kepada aspek ekonomi. **DB**

Penulis, Pensyarah Kanan, Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kelantan, Malaysia.